

Tulisan Jawi Melestari Jati Diri di UPM

TULISAN Jawi adalah tulisan yang berjaya menyatupadukan penduduk Alam Melayu melalui bahasa Melayu yang telah mengubah dimensinya kepada tradisi pengembangan ilmu dan pembinaan masyarakat madani. Sehingga kini peranannya masih utuh sebagai tulisan yang relevan dengan masyarakat Islam Alam Melayu.

Sebagai suatu warisan tamadun rakyat dan negara Malaysia, tulisan jawi harus dipertahankan dan dimartabatkan kembali serta dilestari sebagai jati diri bangsa.

'Tulisan Jawi Melestari Jati Diri' adalah tema Bengkel Sehari Tulisan Jawi (BSTJ) anjuran Jawatankuasa Pengelola Pelaksanaan BSTJ, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia (UPM).

Bengkel itu yang diadakan pada 26 April ini dipengerusikan Dr Mohd Hussein Baharuddin adalah untuk warga kampus di mana setiap fakulti dan institusi menghantar lebih tiga peserta.

Menurut Mohd Hussein, objektif BSTJ bertujuan menyemai semangat cinta jawi di kalangan warga kampus dan mempertingkat penguasaan tulisan itu mengikut sistem ejaan jawi mutakhir.

Dengan demikian, katanya bengkel tulisan jawi itu dapat membabitkan pelbagai pihak dari pusat pengajian tinggi itu untuk turut menggembungkan tenaga dalam usaha memartabatkan tulisan jawi.

BSTJ dikendalikan pengelola ruangan jawi Harian Metro dan dijadual dirasmikan Naib Canselor UPM, Prof Dr Mohd Zohadie Bardiae.

Sempena bengkel itu, pameran seni khat karya siswa yang mengikuti kursus jawi BBM3402 serta demonstrasi menulis khat oleh penulis khat program Jabatan Kemajuan Islam Malaysia di Radio Televisyen Malaysia (RTM), Sharif Hassan..

Kursus BBM3402 sesi 2003-2004, kata Mohd Hussein yang juga pensyarah kursus berkenaan, disertai 158 siswa termasuk Cina (7), India (4) dan Iban (3).

PINTAR JAWI

bersama Pak Matlob
matlob@pl.jaring.my

universi [u.ni.ver.si.ti] = اونیورسیتی
unit [u.nit] = اونیٹ
uranium [u.ra.nium] = اورانیوم